

Kewajipan Membayar Zakat: Analisis Undang-Undang Zakat di Malaysia

Fadziani Yaakub

*Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA,
40450 Shah Alam, Malaysia*

Pengarang Penghubung
fadziani@uitm.edu.my

Received: 14 June 2022

Accepted: 21 December 2022

Online First: 1 April 2023

ABSTRAK

Umat Islam yang layak wajib mengeluarkan zakat. Kewajipan membayar zakat turut diterjemahkan dalam peruntukan kesalahan jenayah Syariah negeri. Namun, kelemahan undang-undang zakat dalam menangani isu keengkaran membayar zakat menyebabkan perintah agama yang mewajibkan umat Islam membayar zakat sukar dilaksanakan. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk mengkaji peruntukan undang-undang berkenaan kewajipan menunaikan zakat di Malaysia. Untuk mendapatkan maklumat dan data yang berkaitan kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan analisis kandungan. Kajian ini mendapati tiadanya penguatkuasaan yang tegas diambil ke atas umat Islam yang tidak membayar zakat dan kekangan-kekangan wujud disebabkan oleh ketidakseragaman undang-undang kesalahan zakat mempengaruhi prestasi umat Islam menunaikan rukun Islam yang keempat. Pendekatan dakwah dalam menggalakan umat Islam menunaikan zakat adalah tidak praktikal untuk diimplimentasikan pada masa kini. Oleh itu, cadangan untuk mewujudkan Akta Zakat Nasional (AZN) harus dilaksanakan dengan segera supaya pensyariatan kewajipan zakat dapat direalisasikan. Selain itu, undang-undang zakat negeri perlu sentiasa dikemaskini dengan mewujudkan undang-undang subsidiari bagi mengisi lakuna dalam undang-undang zakat yang sedia ada.

Kata kunci: Majlis Agama Islam Negeri, Malaysia, Penguatkuasaan, Undang-Undang, Zakat

Zakat Payment Obligation: An Analysis of Malaysia's Zakat Law

ABSTRACT

The payment of zakat is an obligation that must be fulfilled by all eligible Muslims. In fact, failure to fulfil the obligation of paying zakat is considered a Shariah criminal offence. Nonetheless, the weakness of the zakat law in overcoming the issue of non-payment of zakat has caused this religious order to face challenges to be implemented. Therefore, this study aims to investigate the legal regulations governing the requirements to pay zakat in Malaysia. In order to obtain the relevant information and data, this study employs a qualitative approach using content analysis as a data collection method. Based on the results, it is revealed that there is no enforcement of law to the non-payers of zakat. There are also limitations in the execution due to the unstandardised law pertaining to the non-payment of zakat which has impacted how Muslims across the country perform this fourth pillar of Islam. The da'wah strategy of encouraging Muslims to pay zakat is no longer appropriate in today's context. Hence, the proposal to establish a National Zakat Act (AZN) should be implemented as soon as possible so that the zakat obligation can be complied. Furthermore, the state zakat law must be constantly updated by enacting subsidiary legislation to fill the lacuna in the existing zakat law.

Keywords: Enforcement, Law, Malaysia, State Islamic Religious Councils, Zakat

PENGENALAN

Zakat merupakan rukun Islam keempat yang wajib dilaksanakan oleh umat Islam yang layak untuk diagihkan kepada golongan asnaf. Terdapat pelbagai bentuk zakat antaranya zakat fitrah, zakat pertanian, zakat pendapatan, zakat emas, zakat galian, zakat wang simpanan, zakat saham dan sebagainya bergantung kepada uruf yang difatwakan oleh ulama-ulamak muktabar. Di dalam al-Quran terdapat lebih daripada 40 ayat menyatakan kewajipan menunaikan zakat (Latifah Arifin, 2018). Firman Allah SWT:

“Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan

mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk); dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doa mu itu menjadi ketenteraman bagi mereka....”

al-Tawbah, 9: 103

Melalui kewajipan zakat sikap prihatin, tolong menolong, bertanggungjawab serta mengambil peduli terhadap golongan yang memerlukan dapat dipupuk dalam setiap diri umat Islam (Yusuf al-Qardawi, 2006). Firman Allah SWT:

“Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, seketengahnya menjadi penolong bagi seketengahnya yang lain; maka menyuruh berbuat kebaikan, dan melarang daripada berbuat kejahatan; dan mereka mendirikan sembahyang dan memberi zakat, serta taat kepada Allah dan Rasulnya...”

al-Tawbah, 9: 71

Demikian itu, zakat merupakan antara instrumen utama yang berpotensi dalam membangunkan ekonomi umat Islam kerana aktiviti zakat dapat menjamin keadilan dan kestabilan sosial apabila jurang pendapatan dalam kalangan masyarakat dapat dikurangkan (Patmawati Ibrahim, 2008). Dalam menjayakan objektif pensyariaan zakat ini pentadbiran dan pengurusan zakat yang cekap memainkan peranan penting bagi memastikan kewajipan berzakat dipatuhi oleh umat Islam supaya kutipan zakat dapat ditingkatkan dan seterusnya mengoptimumkan agihannya kepada asnaf (Mohd Anuar Ramli & Mohammad Naqib Hamdan, 2017).

Namun, masih terdapat ramai umat Islam yang tidak mengeluarkan zakat yang sudah pasti menjejaskan kutipan dan agihan zakat (Suffian Mohamed Esa, Mohd Ali Mohd Noor, & Hairunnizam Wahid, 2018). Di Selangor, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) melaporkan terdapat peningkatan pendaftaran perniagaan baru dengan SSM yang sepatutnya melonjakkan potensi kutipan zakat. Namun, apa yang berlaku adalah sebaliknya apabila kutipan zakat perniagaan jauh ketinggalan berbanding zakat-zakat lain (Ahmad Syakir Ruol Mukhan, Mohd Ali Mohd Noor, & Hairunnizam Wahid, 2018). Laporan media massa mengatakan hanya 20 peratus iaitu 346,000 individu yang membayar zakat daripada 1.5 juta penduduk Selangor yang layak mengeluarkan zakat (Mohd Yunus Yakkub, 2021). Manakala, laporan oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) menunjukkan pada tahun 2001 dianggarkan sebanyak 4.2 peratus daripada 75816 golongan professional mengeluarkan zakat pendapatan (Hairunnizam Wahid, Mohd Ali Mohd Nor, & Sanep Ahmad, 2005). Senario ini menunjukkan masih ramai individu dan syarikat yang layak tidak mempunyai kesedaran untuk menunaikan zakat.

Ketiadaan undang-undang yang menyeluruh dan kelemahan penguatkuasaan undang-undang merupakan antara punca kepada keberkesanan dalam kutipan zakat (Mahyuddin Abu Bakar & Abdullah Abd.Ghani, 2011). Nilai hukuman, denda, penalti yang rendah dan tidak berat kepada pesalah zakat antara faktor pematuhan ke atas perundangan zakat masih rendah (Mohd Suffian Mohamed Esa, Mohd Ali Mohd Noor, & Hairunnizam Wahid, 2018).

Ketidakseragaman undang-undang setiap negeri mengelirukan umat Islam dan memberi persepsi negatif kepada umat Islam juga mempengaruhi kepada ketidakpatuhan dalam membayar zakat (Kamil Md. Idris, 2006). Tambahan pula, hukuman tersebut tidak dilaksanakan atau dikuatkuasakan kerana MAIN atau pusat-pusat zakat menggunakan pendekatan “dakwah” dalam menggalakkan masyarakat mengeluarkan zakat (Siti Mashitoh Mahamood, 2008) iaitu zakat yang dikeluarkan hendaklah berasaskan secara sukarela oleh umat Islam walaupun undang-undang menetapkan wajib bagi yang layak. Kerana itu, tidak banyak terdapat kes-kes pendakwaan di Mahkamah Syariah walaupun undang-undang membenarkannya. Keadaan ini mungkin didorong oleh kelemahan dalam pelaksanaan dan penguatkuasaan yang berlaku menyebabkan aspek kepatuhan kepada undang-undang tidak dititikberatkan dalam meningkatkan keinginan masyarakat untuk mengeluarkan zakat (Aznan Hasan, 2007). Impaknya, jumlah kutipan zakat negara masih rendah dan peranan zakat sebagai alat untuk membantu golongan miskin tidak dapat ditonjolkan dan kurang menyakinkan (Sanep Ahmad, Hairunnizam Wahid, & Adnan Mohamad, 2006).

Kelemahan undang-undang yang sedia ada bukan sahaja menyebabkan masalah pengelakkan membayar zakat semakin bertambah, malah hilang keyakinan pembayar zakat yang sedia terhadap kredibiliti institusi zakat negara. Perkara ini sudah tentu merugikan institusi zakat itu sendiri apabila zakat dibayar kepada amil yang bukan dilantik oleh MAIN (Mohd Suffian Mohamed Esa et al., 2018). Kelemahan ini hendaklah diatasi dengan segera kerana kita tidak mahu ia memberi imej yang buruk kepada keberkesanan undang-undang Syariah dalam menjamin kepatuhan umat Islam untuk membayar zakat.

Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk mengkaji peruntukan undang-undang berkenaan kewajipan menunaikan zakat di Malaysia. Untuk mendapatkan maklumat dan data yang berkaitan kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan analisis kandungan. Kajian ini mendapati tiadanya penguatkuasaan yang tegas diambil ke atas umat Islam yang tidak membayar zakat dan kekangan-kekangan wujud disebabkan oleh ketidakseragaman undang-undang kesalahan zakat mempengaruhi prestasi umat Islam menunaikan rukun Islam yang keempat. Pendekatan dakwah dalam

menggalakan umat Islam menunaikan zakat adalah tidak praktikal untuk diimplimentasikan pada masa kini. Oleh itu, cadangan untuk mewujudkan Akta Zakat Nasional (AZN) harus dilaksanakan dengan segera supaya pensyariatan zakat dapat direalisasikan. Selain itu, undang-undang zakat negeri perlu sentiasa dikemaskini dengan mewujudkan undang-undang subsidiari bagi mengisi lakuna dalam undang-undang zakat yang sedia ada.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan analisis kandungan. Data-data kajian dikumpul melalui kaedah analisis dokumen yang melibatkan buku-buku, jurnal-jurnal, kertas kerja persidangan dan enakmen undang-undang Syariah negeri. Bagi mencapai objektif kajian, data-data yang diperoleh dianalisis secara deskriptif.

Kedudukan Perundangan Zakat Dalam Perlembagaan Persekutuan

Perlembagaan Persekutuan merupakan undang-undang tertinggi negara yang berdasarkan kepada konsep federalisme iaitu kuasa menggubal undang-undang dan kuasa mentadbir di bahagikan secara jelas antara kerajaan persekutuan dan negeri (Khairil Azmin Mokhtar, 2007). Perkara-perkara yang berhubung hal ehwal agama Islam dan undang-undang Islam termasuklah zakat berada di bawah bidang kuasa eksklusif kerajaan negeri. Perkara ini dapat dilihat dalam Jadual Sembilan, Senarai II Senarai Negeri, Perlembagaan Persekutuan:

*“Kecuali mengenai wilayah-wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan, Hukum Syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam, termasuk Hukum Syarak berhubung dengan mewarisi harta berwasiat dan tak berwasiat, pertunangan, perkahwinan, nafkah, pengambilan anak angkat, kesahatarafan, penjagaan anak, pemberian, pemberian harta dan amanah bukan khairat, wakaf Islam dan takrif serta peraturan mengenai amanah khairat dan khairat agama, pelantikan pemegang-pemegang amanah dan perbadanan bagi orang-orang mengenai pemberian agama Islam dan khairat, institusi, amanah dan institusi khairat yang dijalankan semuanya sekali dalam negeri, adat istiadat Melayu, **zakat**, fitrah, baitulmal atau hasil agama Islam yang seumpamanya, masjid atau mana-mana tempat sembahyang awam untuk orang Islam; ...”*

Natijah daripada hak eksklusif ini hanya kerajaan negeri sahaja yang layak untuk menggubal undang-undang berkaitan hal ehwal agama Islam (Perkara 74(2) Perlembagaan Persekutuan) dan dikodifikasikan di dalam

Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam negeri-negeri di Malaysia (Siti Mashitoh Mahamood, 2008). Setiap negeri mempunyai enakmen Syariah masing-masing dan kebanyakannya berbeza antara satu sama lain. Disebabkan itu, bidangkuasa serta penguatkuasaan undang-undang Islam yang digubal oleh negeri terbatas kerana ia hanya terpakai kepada negeri itu sahaja (Khairil Azmin Mokhtar, 2007) dan membawa kepada masalah kepada ketidakseragaman undang-undang Islam antara setiap negeri.

Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) Sebagai Badan Autoriti Zakat

Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) ialah badan yang bertanggungjawab dalam menasihati ketua agama di setiap negeri dan Yang Dipertuan Agung (YDPA) pada peringkat pusat berhubung agama Islam dan adat istiadat Melayu (Seksyen 4, Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993). Berdasarkan kepada peruntukan enakmen pentadbiran negeri, MAIN yang menjalankan kuasa bagi pihak sultan, mempunyai kuasa ataupun autoriti untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab yang berkaitan zakat seperti kutipan dan agihan zakat, pelantikan amil, baitulmal dan sebagainya (Syed Mohd Najib Syed Omar, Azman Ab. Rahman, Zahari Mahad Musa, & Ahmad Anis Muhd Fauzi, 2017);

“Majlis hendaklah berkuasa memungut zakat dan fitrah daripada setiap orang Islam yang kena dibayar di dalam Negeri Selangor mengikut Hukum Syarak bagi pihak Duli Yang Maha Mulia Sultan.” (Seksyen 86 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003).

Terdapat 14 MAIN di seluruh Malaysia termasuklah Wilayah Persekutuan yang bertanggungjawab untuk mentadbir zakat melalui kutipan dan agihan (Azizah dan Abd. Halim, 2009). Diantara negeri tersebut, terdapat Majlis yang menubuhkan anak syarikat bagi tujuan kutipan zakat seperti Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan (PPZ) dan Zakat Pulau Pinang (ZPP). Manakala di Kedah, pungutan dan agihan zakat di kawal selia oleh badan yang lain daripada Majlis Agama Islam Kedah (MAIK) iaitu oleh Lembaga Zakat Kedah (LZK) (Aznan Hasan, 2007).

Undang-Undang Zakat di Malaysia

Di Malaysia, sehingga hari ini hanya negeri Sabah dan Kedah sahaja yang mengkanunkan undang-undang zakat secara khusus iaitu Enakmen Zakat dan Fitrah Sabah 1993 dan Enakmen Zakat Kedah 1374 (1995) (Siti Mashitoh Mahamood, 2008) yang kemudiannya dipinda menjadi Enakmen Lembaga Zakat Kedah Darul Aman 2015 (Muhammad Hafiz Badarulzaman & Siti

Nabilah Sulaiman, 2019). Manakala negeri-negeri lain zakat masih lagi diletakkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-Negeri (EPAIN). Terdapat juga negeri-negeri yang memperkenalkan undang-undang subsidiari untuk mengukuhkan lagi undang-undang zakat yang sedia ada seperti Undang-Undang Zakat dan Fitrah 1966, Sarawak, Peraturan-Peraturan Zakat dan Fitrah Negeri Pulau Pinang Tahun 1976 (Aznan Hasan, 2007) dan Peraturan-Peraturan Zakat dan Fitrah (Negeri Selangor) 2012. Manakala undang-undang berkaitan aspek pematuhan membayar zakat diletakkan dalam undang-undang kesalahan jenayah negeri masing-masing. Dalam jadual 1 menunjukkan undang-undang zakat negeri:

Jadual 1. Undang-Undang Zakat Negeri

Bil	Negeri	Undang-Undang Berkaitan Zakat
1.	Perlis	Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006
2.	Kedah	Enakmen Lembaga Zakat Kedah 2015 Peraturan-Peraturan Zakat Tahun 1982
3.	Perak	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 Peraturan-peraturan Zakat dan Fitrah Perak 1975 Enakmen Jenayah (Syariah) 1992
4.	Pulau Pinang	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 Peraturan-Peraturan Zakat dan Fitrah Negeri Pulau Pinang Tahun 1976 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 1996
5.	Wilayah Persekutuan	Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 Kaedah Baitulmal (Wilayah Persekutuan) (Perbelanjaan dan Penggunaan) 1980 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997
6.	Selangor	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 Peraturan-peraturan Zakat dan Fitrah (Negeri Selangor) 2012 Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995
7.	Melaka	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002 Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991
8.	Negeri Sembilan	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003 Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 2004
9.	Johor	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1997
10.	Kelantan	Enakmen Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994
11.	Terengganu	Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam 2001 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001

12.	Pahang	Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991 Kaedah-kaedah Zakat dan Fitrah (Pindaan) 2001, Pahang Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 2013
13.	Sabah	Enakmen Zakat dan Fitrah 2003
14.	Sarawak	Ordinan Majlis Islam Sarawak, 2001 Undang-Undang Zakat dan Fitrah 1966 Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah 2001

Secara umumnya, undang-undang berkaitan zakat menyentuh perkara-perkara seperti bidang kuasa Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), kewajipan umat Islam membayar zakat dan fitrah, pelantikan pegawai dan amil zakat, proses kutipan dan agihan, taksiran, bayaran, rayuan, cara agihan zakat fitrah dan sebagainya (Siti Mashitoh Mahamood, 2008).

Peruntukan Undang-Undang Mengenai Kewajipan Umat Islam Membayar Zakat

Orang yang wajib mengeluarkan zakat ialah mereka yang memenuhi syarat-syarat berzakat iaitu beragama Islam, merdeka, baligh dan sempurna akal, dan bagi kanak-kanak atau orang yang tidak sempurna akal kena dibayar oleh wali atau wasinya; dan mempunyai harta dan pendapatan yang kena dibayar zakat (Seksyen 15 Peraturan-Peraturan Zakat dan Fitrah (Negeri Selangor) 2012).

Mereka yang layak berzakat dan gagal mengeluarkan zakat adalah merupakan satu kesalahan dalam undang-undang dan boleh dikenakan hukuman. Hukuman mengenai kesalahan tidak membayar zakat dapat ditunjukkan dalam jadual 2 di bawah:

Jadual 2. Kesalahan Kegagalan Membayar Zakat

Negeri	Bahagian	Hukuman
Akta Kesalahan Jenayah Syariah		
Wilayah Persekutuan	Bahagian III- Kesalahan Yang Berhubung Dengan Kesucian Agama Islam Dan Institusinya	< RM1000 atau penjara enam (6) bulan atau kedua-duanya
Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri		
Johor		< RM1000 atau penjara enam (6) bulan atau kedua-duanya .
Pulau Pinang	Bahagian III: Kesalahan Yang Berhubung Dengan Kesucian	< RM1000 atau penjara enam (6) bulan atau kedua-duanya .
Terengganu	Agama Islam Dan Institusinya	< RM3000 atau penjara dua (2) tahun atau kedua-duanya .
Selangor		< RM5000 atau penjara tiga (3) tahun atau kedua-duanya .

Pahang	Bahagian V: Kesalahan Pelbagai	< RM2000 atau penjara satu (1) tahun atau kedua-duanya
Perak	Bahagian IV - Kesalahan Berhubungan Dengan Maruah Agama Dan Institusinya	< RM1000 atau penjara enam (6) bulan atau kedua-duanya
Negeri Sembilan	Bahagian IV - Kesalahan	< RM1000 atau penjara satu (1) tahun atau kedua-duanya .
Melaka	Bahagian IV - Kesalahan-Kesalahan Lain	< RM5000 atau penjara tiga (3) tahun atau kedua-duanya.
Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri		
Kelantan	Bahagian VII - Kesalahan	< RM2000 atau penjara enam (6) bulan atau kedua-duanya.
Enakmen Zakat Negeri		
Sabah	Bahagian IX- Kesalahan Dan Penalti	< RM4000 atau penjara dua (2) tahun atau kedua-duanya .
Undang-Undang Subsidiari		
Sarawak	Perkara 17 (a) Tidak Membayar zakat and Fitrah	< RM200
Kedah	Perkara 15 (b) Kesalahan	< denda RM500 atau penjara enam (6) bulan (khusus untuk zakat padi)

Sumber: Undang-Undang Syariah Negeri

Jadual 2 menunjukkan kesalahan kegagalan membayar zakat yang terdapat dalam pelbagai peruntukan undang-undang zakat negeri. Kesalahan tidak membayar zakat di Wilayah Persekutuan boleh didapati dalam Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah) (AKJSWP)1997 di Bahagian III. Di Johor, Pulau Pinang, Terengganu, Selangor, Pahang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka peruntukan berkaitan kegagalan membayar zakat terdapat di dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri (EKJSN) masing-masing. Manakala di Kelantan kesalahan tidak membayar zakat diletakkan di bawah Enakmen Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. Bagi Negeri Sabah kesalahan tidak membayar zakat terdapat di dalam undang-undang zakat itu sendiri iaitu Enakmen Zakat dan Fitrah 1993. Sarawak dan Kedah pula peruntukan mengenai kesalahan tidak membayar zakat terdapat dalam undang-undang subsidiari iaitu Undang-Undang Zakat Dan Fitrah 1966 dan Peraturan-Peraturan Zakat Tahun 1982.

Dari sudut hukuman pula, terdapat perbezaan hukuman antara setiap negeri tersebut. Sarawak merupakan negeri yang paling rendah hukumannya iaitu denda tidak lebih daripada RM200 dan tiada peruntukkan hukuman penjara:

“Any person who, without lawful justification, fails to pay Zakat and Fitrah shall be guilty of an offence. Penalty:

- (a) *in the case of failure to pay Zakat, not exceeding two hundred dollars; and*
- (b) *in the case of failure to pay Fitrah, not exceeding twenty five dollars.” (Seksyen 17 Undang-Undang Zakat dan Fitrah 1966, Sarawak)*

Di Kedah kesalahan tidak membayar zakat hanya khusus kepada zakat padi sahaja iaitu denda tidak melebihi RM500 atau penjara enam bulan atau kedua-duanya.

“mana-mana orang yang-

- (a) *dengan sengaja membuat kenyataan palsu atau menyembunyikan apa-apa kenyataan yang menyentuh apa-apa perkara yang dikehendaki dinyatakan di dalam borang di Jadual “A”, enggan mengembalikan borang jadual “A” kepada Amil dalam tempoh masa 30 hari mulai dari Tarikh ianya diserahkan kepadanya;*
- (b) *tiada membayar atau enggan membayar zakat dengan sepenuh yang dikehendaki ia membayar menurut peraturan ini kepada Amil;*
- (c) *membayar zakatnya yang dikehendaki diberi menurut peraturan ini kepada orang yang lain daripada Amil;*
- (d) *menerima zakat bukan sebagai Amil;*
- (e) *menghasut dengan apa-apa jalan orang lain supaya jangan membayar zakat;*
- (f) *tiada memberi atau enggan memberi kepada Amil perkara-perkara bagi Jadual “C”; atau*
- (g) *menjual, memindah milik atau denga napa jalan jua pun melepas padi atau tanaman daripada miliknya dengan niat hendak melepaskan daripada bayaran zakat, adalah melakukan kesalahan menurut peraturan ini dan apabila disabit kesalahannya boleh dihukum denda tiada lebih daripada lima ratus ringgit atau penjara tiada lebih daripada enam bulan.*

Selangor dan Melaka merupakan negeri yang paling tinggi hukumannya iaitu tidak melebihi RM5000 atau penjara tidak lebih daripada tiga tahun atau kedua-duanya sekali:

“Mana-mana orang yang wajib membayar zakat atau fitrah tetapi-

- (a) *enggan membayar atau dengan sengaja tidak membayar zakat atau fitrah itu; atau*
- (b) *enggan membayar atau dengan sengaja tidak membayar zakat atau fitrah itu melalui amil yang dilantik, atau mana-mana pihak*

lain yang diberikuasa, oleh Majlis untuk memungut zakat atau fitrah, adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.” (Seksyen 21 Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995).

“(1) Sesiapa yang terkena membayar sesuatu zakat dan fitrah dan setelah tidak berjaya mendapati mengikut seksyen 51 Enakmen Pentadbiran Hukum syarak (Negeri Melaka) 1991, pembatalan atau perubahan tuntutan bayaran itu, ingkar atau dengan sengajanya mungkir membayarnya adalah merupakan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi tiga puluh enam bulan atau kedua-duanya sekali.

(2) Sesiapa yang boleh dikenakan membayar zakat dan fitrah dengan sengajanya mungkir membayarnya sama ada melalui amil yang dilantik atau pihak yang diberi kuasa oleh Majlis, adalah merupakan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi tiga puluh enam bulan atau kedua-duanya sekali.” (Seksyen 82 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Melaka) 1991).

Selain itu, terdapat juga provisi-provisi lain yang berkaitan dengan keingkaran membayar zakat yang dijelaskan dalam jadual 3 di bawah:

Jadual 3. Kesalahan Lain Berkaitan Keingkaran Membayar Zakat

Undang-Undang Zakat	Jenis Kesalahan
Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri	<ul style="list-style-type: none"> ● Menghasut supaya mengabaikan kewajipan agama ● Tidak mengembalikan borang taksiran zakat (Melaka)
Peraturan-Peraturan Zakat dan Fitrah Negeri Selangor 2012	<ul style="list-style-type: none"> ● Maklumat salah ● Pengelakan sengaja ● Menghalang pegawai utama @ pegawai lembaga daripada menjalankan tugas ● Kesalahan oleh pegawai ● Kesalahan bersubahat
Enakmen Zakat dan Fitrah 1993 (Sabah)	<ul style="list-style-type: none"> ● Kegagalan memberi penyata atau memberi notis tentang pengenaan zakat ● Penyata tak betul

- Pengelakan sengaja
 - Meninggalkan Malaysia tanpa membayar zakat
 - Menghalan pegawai
 - Kesalahan kerana bersubahat
-

Sumber: Undang-Undang Syariah Negeri

Jadual 3 menunjukkan kesalahan lain berkaitan dengan keingkaran membayar zakat. Melalui Jadual 3 juga kita dapat lihat perbezaan jenis kesalahan lain yang terdapat dalam undang-undang zakat. Kesalahan lain berkaitan dengan keingkaran zakat dalam EKJSN adalah terbatas berbanding enakmen zakat itu sendiri seperti Enakmen Zakat dan Fitrah 1993 (Sabah) dan undang-undang subsidiari seperti Peraturan-Peraturan Zakat dan Fitrah Negeri Selangor 2012. EKJSN memperuntukkan bahawa sesiapa yang menghasut orang lain supaya tidak mengeluarkan zakat jika disabitkan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM2000 atau satu tahun penjara atau kedua-duanya. Peruntukan ini terdapat dalam EKJSN Johor, Pulau Pinang, Terengganu, Selangor, Pahang, Perak dan Wilayah Persekutuan (AKJSWP). Dalam Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991 memperuntukkan bahawa individu yang tidak mengembalikan borang taksiran mengenai harta-harta yang dikenakan zakat didenda tidak melebihi RM3000 atau dua tahun penjara atau kedua-duanya:

“Sesiapa yang didapati ingkar atau enggan membuat pengakuan diri berkenaan harta-harta yang boleh dikenakan zakat atau tidak mengembalikan borang taksiran zakat yang dipercayai telah disampaikan kepadanya dalam tempoh yang ditetapkan adalah merupakan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjara selama tempoh dua puluh empat bulan atau kedua-duanya sekali.”

Kesalahan lain berhubung keingkaran membayar zakat dalam Enakmen Zakat dan Fitrah 1993 (Sabah) dan Peraturan-Peraturan Zakat dan Fitrah Negeri Selangor 2012 adalah lebih terperinci. Antara kesalahan tersebut seperti kesalahan memberi maklumat salah:

“Mana-mana orang yang dengan sengaja memberi maklumat yang salah atau palsu berkenaan dengan apa-apa perkara yang berhubungan dengan harta, pendapatan, buku akaun dan dokumen lain yang berkaitan mengenai zakat yang dikenakan ke atasnya atau mana-mana orang lain, melainkan jika dia membuktikan bahawa maklumat yang salah itu telah dibuat atau diberikan dengan suci hati, melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi

lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.” (Peraturan 44, Peraturan-Peraturan Zakat Dan Fitrah (Negeri Selangor) 2012).

Sesiapa yang mengelak dengan sengaja untuk tidak membayar zakat boleh dikenakan hukuman denda tidak lebih daripada RM5000 atau penjara tiga (3) tahun atau kedua-duanya;

“Mana-mana orang yang dengan sengaja-

- (a) meninggalkan apa-apa pendapatan atau harta yang patut dimasukkan dalam penyata;*
- (b) membuat pernyataan atau catatan palsu dalam penyata;*
- (c) memberi jawapan palsu, sama ada secara lisan atau bertulis, kepada soalan yang ditanya atau permintaan maklumat yang dibuat;*
- (d) menyediakan atau menyenggarakan atau membenarkan buku akaun atau salinannya atau rekod lain yang palsu;*
- (e) memalsukan atau membenarkan pemalsuan buku akaun atau rekod lain atau salinannya; atau*
- (f) mempergunakan atau membenarkan penggunaan apa-apa fraud, helah atau perbuatan mereka-reka,*

dengan niat untuk mengelak atau membantu mana-mana orang lain untuk mengelak daripada membayar zakat atau fitrah, melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.” (Peraturan 45, Peraturan-Peraturan Zakat Dan Fitrah (Negeri Selangor) 2012).

Mana-mana individu yang dikenakan zakat dan meninggalkan Malaysia tanpa menjelaskan bayaran zakat terlebih dahulu boleh dikenakan hukuman tidak lebih daripada RM500 atau penjara tiga bulan atau kedua-duanya sekali;

“Mana-mana orang yang mengetahui bahawa suatu perakuan telah dikeluarkan bagi dirinya di bawah seksyen 50, dengan sengaja meninggalkan atau cuba meninggalkan Malaysia tanpa membayar segala zakat, jumlah wang dan hutang yang dinyatakan dalam perakuan itu atau memberi jaminan hingga memuaskan hati Setiausaha berkenaan dengan pembayarannya adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi lima ratus ringgit atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi tiga bulan atau kedua-duanya sekali.” (Seksyen 62, Enakmen Zakat dan Fitrah 1993).

Peruntukan-peruntukan ini menunjukkan bahawa menunaikan zakat

adalah satu kefardhuan yang bukan sahaja ditekankan dalam agama malah sangat diterapkan dalam undang-undang zakat di Malaysia. Namun, ketidakseragaman yang wujud dalam undang-undang zakat menimbulkan kekeliruan kepada masyarakat. Tambahan pula dengan hukuman yang rendah dan tiada tindakan tegas diambil kepada umat Islam yang tidak membayar zakat bukan sahaja memberi kesan kepada kutipan zakat bahkan kehilangan keyakinan pembayar zakat sedia ada terhadap kewibawaan institusi zakat bertauliah (Mohd Suffian Mohamed Esa et al., 2018). Hukuman kesalahan tidak membayar zakat jauh ketinggalan berbanding dengan hukuman mereka yang tidak membayar cukai pendapatan iaitu denda antara RM1,000.00 hingga 20,000.00 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya (Seksyen 114(1) Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967). Hukuman yang tinggi dan penguatkuasaan yang tegas sudah tentu menimbulkan rasa gerun dan takut yang akhirnya membawa kepada kepatuhan membayar cukai. Secara lebih jelas, kesalahan tidak membayar cukai pendapatan dapat ditunjukkan dalam Jadual 4 di bawah:

Jadual 4. Kesalahan Tidak Membayar Cukai Pendatan

Jenis Kesalahan	Peruntukan di Bawah ACP 1967	Jumlah Denda (RM)
Tidak mengemalikan Borang Nyata cukai Pendapatan	112(1)	200.00 hingga 20,000/ Penjara tidak melebihi 6 bulan/ kedua-duanya
Tidak memaklumkan layak dikenakan cukai	112(1)	200.00 hingga 20,000/ Penjara tidak melebihi 6 bulan/ kedua-duanya
Tidak melaporkan pendapatan sebenar di dalam Borang Nyata Cukai Pendapatan	113(1)(a)	1,000.00 hingga 10,000.00 dan 200% atas cukai terkurang lapor
Memberi maklumat tidak tepat mengenai tanggungan cukai sendiri/ orang lain	113(1)(b)	1,000.00 hingga 10,000.00 dan 200% atas cukai terkurang lapor
Sengaja mengelak cukai/ membantu orang lain mengelak cukai	114(1)	1,000.00 hingga 20,000.00/ Penjara tidak melebihi 3 tahun/ kedua-duanya dan 300% atas cukai terkurang lapor
Membantu/ menasihati orang lain dalam penyediaan Borang Nyata Cukai Pendapatan menyebabkan terkurang cukai	114(1A)	2,000.00 hingga 20,000.00/ penjara tidak melebihi 3 tahun/ kedua-duanya
Meninggalkan negara tanpa membayar cukai	115(1)	200.00 hingga 20,000.00/ penjara tidak melebihi 6 bulan/ kedua-duanya

Mengganggu/ menghalang pegawai LHDNM menjalankan tugas	116	1,000.00 hingga 10,000.00/ Penjara tidak melebihi 1 tahun/ kedua-duanya
Tidak menyimpan rekod	119A	300.00 hingga 10,000.00/ Penjara tidak melebihi 1 tahun/ kedua-duanya
Tidak memberi maklumat yang dikehendaki oleh LHDNM	120(1)	200.00 hingga 20,000.00/ penjara tidak melebihi 6 bulan/ kedua-duanya
Tidak melaporkan pertukaran alamat dalam tempoh 3 bulan	12091)	200.00 hingga 20,000.00/ penjara tidak melebihi 6 bulan/ kedua-duanya

Sumber: Akta Cukai Pendapatan 1967

Penguatkuasaan Undang-Undang Bagi Kesalahan Tidak Membayar Zakat

Dalam perbincangan di atas menunjukkan bahawa umat Islam yang layak wajib mengeluarkan zakat dan keengganan berbuat demikian merupakan satu kesalahan yang boleh dikenakan tindakan undang-undang. Namun begitu, kelemahan yang terdapat dalam undang-undang zakat menyebabkan penguatkuasaan undang-undang tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya dan pihak berkuasa gagal mengambil tindakan mereka yang mengelak untuk membayar zakat. Antaranya, tidak terdapat peruntukan dalam undang-undang zakat negeri mengenai definisi khusus mereka yang layak mengeluarkan zakat dan jenis-jenis pendapatan yang kena zakat. Dalam Enakmen Zakat dan Fitrah 1993 memperuntukan mengenai orang yang dikenakan zakat:

“Jika di bawah Enakmen ini pendapatan atau aset mana-mana orang boleh ditaksirkan dan dikenakan zakat, maka orang itu hendaklah, tertakluk kepada Bahagian ini, menjadi orang yang boleh ditaksirkan dan dikenakan zakat berkenaan dengan pendapatan atau aset itu.”
(Seksyen 21 Enakmen Zakat dan Fitrah 1993, Sabah)

Didalam enakmen tersebut tidak dinyatakan sebarang pentafsiran mengenai maksud “orang” sama ada ianya termasuk orang perseorangan, perbadanan, syarikat atau perkongsian. Lakuna yang terdapat dalam undang-undang zakat menyebabkan kes-kes kesalahan zakat tidak menyebelahi kepada MAIN (Mohd Suffian Mohamed Esa, Mohd Ali Mohd Noor, & Hairunnizam Wahid, 2017) dan boleh dicabar apabila syarikat, koperasi, perbadanan dan sebagainya yang tidak membayar zakat dihadapkan di mahkamah memandangkan tidak terdapat definisi jelas mengenai orang yang layak mengeluarkan zakat. Berdasarkan kepada kajian yang dibuat hanya Negeri Selangor sahaja menyebut secara jelas definisi ‘orang’ dibawah seksyen 2 Peraturan-Peraturan Zakat dan Fitrah

(Negeri Selangor) 2003:

“orang” termasuklah orang perseorangan, perbadanan, syarikat, koperasi, perkongsian, persatuan, firma, usaha sama atau pemegang amanah;

Undang-undang yang tidak komprehensif memberi kesan kepada aspek penguatkuasaan apabila tindakan secara tegas melalui undang-undang tidak dapat dilaksanakan. Disebabkan itu, MAIN mengaplikasikan pendekatan dakwah dalam menimbulkan kesedaran umat Islam untuk mengeluarkan zakat. Sedangkan aspek penguatkuasaan undang-undang sangat mempengaruhi kesedaran umat Islam dalam berzakat (Ram Al Jaffri Saad, Kamil Md Idris, & Zainol Bidin, 2009). Banyak kajian yang telah dilakukan menunjukkan bahawa undang-undang dan penguatkuasaan yang tegas mempengaruhi kepatuhan pengguna. Ini kerana, terdapat hubungan yang signifikan antara penguatkuasaan undang-undang dengan pembayaran zakat (Sanep Ahmad & Zulkifli, 2010). Semakin berat hukuman atau penalti yang dikenakan semakin tinggi kepatuhan umat Islam untuk membayar zakat. Teori ini dikenali sebagai teori cegahan (*deterrence theory*) dalam bidang percukaian (Kamil Md. Idris, 2006). Pada zaman Khalifah Abu Bakar juga mengambil tindakan yang tegas dengan mengisytiharkan perang kepada golongan yang engkar membayar zakat (Hafiz Za'farani, 2020).

Akta Zakat Nasional (AZN)

Bagi menangani masalah berkaitan dengan undang-undang zakat yang tidak komprehensif, satu cadangan telah disuarakan untuk mengkodifikasikan Akta Zakat Nasional melalui penubuhan Majlis Zakat Negara (MZN). Melalui AZN kelemahan-kelemahan yang terdapat pada undang-undang zakat negeri dapat diatasi seperti mewujudkan keseragaman undang-undang, hukuman yang lebih tinggi dan berat serta penguatkuasaan yang lebih tegas dapat diambil. Walaubagaimanapun, untuk merealisasikan kodifikasi AZN bukanlah sesuatu yang mudah kerana memerlukan persetujuan MAIN memndangkan zakat berada di bawah kuasa negeri seperti mana yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan (Mohd Suffian Mohamed Esa et al., 2018).

Dalam kajian Siti Mashitoh Mahamood (2008) mengatakan telah terdapat draf Akta Zakat Wilayah-Wilayah Persekutuan (AZWP) yang lebih kemas dan terperinci berbanding dengan undang-undang yang terdapat dalam statut pentadbiran agama Islam Negeri. Dalam draf tersebut juga terdapat persamaan peruntukan berkaitan kesalahan zakat dengan jenis kesalahan yang diperuntukan di dalam ACP1967 yang sudah tentu dapat menimbulkan rasa gerun dan takut yang akhirnya menyumbang kepada peningkatan kutipan zakat.

Peningkatan hukuman dalam AZWP sudah tentu dapat menjadi ikutan bagi negeri-negeri lain. Namun, sehingga sekarang akta ni masih belum diwartakan.

Selain itu, setiap negeri perlu mengemaskini undang-undang zakat dengan mempertingkatkan hukuman zakat secara maksimum iaitu RM5000.00 dan mengadakan undang-undang tambahan atau subsidiari bagi menambah baik undang-undang yang sedia ada berdasarkan kepada kebenaran dalam EPAIN yang membenarkan Majlis untuk mewujudkan peraturan-peraturan:

“(1) Majlis boleh membuat peraturan-peraturan untuk mengawalselia semua perkara yang berhubungan dengan pungutan, pentadbiran dan pembahagian zakat dan fitrah.

(2) Tanpa menjejaskan kuasa keseluruhan sebelum ini, Majlis boleh membuat peraturan-peraturan untuk –

- (a) menentukan dari semasa ke semasa nilai kadar zakat dan fitrah yang kena dibayar oleh setiap orang Islam di dalam Negeri Johor;*
- (b) mewujudkan tatacara pemungutan zakat dan fitrah;*
- (c) melantik amil-amil bagi menjalankan pemungutan zakat dan fitrah; dan*
- (d) mewujudkan kesalahan dan memperuntukkan hukuman bagi perkara-perkara yang berkaitan dengan pemungutan atau penyerahan hasil pungutan zakat dan fitrah. (Seksyen 87 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003).*

KESIMPULAN

Konklusinya, selain daripada faktor dalaman atau keimanan yang mempengaruhi seseorang untuk mengeluarkan zakat, undang-undang dan penguatkuasaan yang tegas turut memainkan peranan penting dalam memastikan umat Islam menunaikan kewajipan zakat. Kelemahan pelaksanaan undang-undang yang sedia ada haruslah ditangani dengan segera memandangkan perundangan zakat sedia ada tidak berkesan dan tidak berupaya memastikan pematuhan di kalangan masyarakat Islam yang layak membayar zakat (Mohd Suffian Mohamed Esa et al., 2018). Cadangan untuk mewujudkan Akta Zakat Nasional (AZN) seharusnya diberi perhatian yang sewajarnya oleh pihak kerajaan. Menerusi AZN dapat mengatasi masalah ketidakseragaman dalam pengurusan zakat termasuklah dari aspek undang-undang. Dengan AZN diharap hukuman berkaitan dengan kesalahan tidak membayar zakat dapat dipertingkatkan supaya lebih bersesuaian dengan situasi semasa negara dan hukumannya setanding dengan kesalahan tidak membayar cukai yang diperuntukkan dalam Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967. Hukuman dan

kesalahan dalam AZN hendaklah dikuatkuasakan sepenuhnya iaitu tindakan berat perlu diambil bagi mereka yang tidak membayar zakat. Penguatkuasaan undang-undang zakat secara tegas ini secara tidak langsung akan menimbulkan kesedaran kepada mereka bahawa zakat merupakan suatu tanggungjawab terhadap agama dan sosial yang harus dilaksanakan oleh setiap warganegara yang layak. Undang-undang yang jelas dan tidak mengelirukan turut memberi persepsi yang positif kepada masyarakat untuk patuh kepada undang-undang (Kamil Md. Idris, 2006). Selain itu, setiap negeri perlu sentiasa mengemaskini undang-undang zakat dengan mengadakan undang-undang tambahan bagi menanggapi kelemahan undang-undang zakat yang sedia ada. Keadaan ini sekiranya berlaku sudah pasti jumlah kutipan zakat turut meningkat dengan tinggi (Siti Mashitoh Mahamood, 2008).

PENGHARGAAN

Penghargaan kepada Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Shah Alam di atas sokongan yang diberikan.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan tiada kepentingan persaingan seperti kewangan atau perhubungan peribadi mengenai penulisan artikel ini.

SUMBANGAN PENULIS

Penulis adalah pengarang tunggal untuk kajian ini.

RUJUKAN

- Ahmad Syakir Rurol Mukhan, Mohd Ali Mohd Noor, & Hairunnzam Wahid. (2018). Jangkaan Kepatuhan Membayar Zakat Perniagaan Di Kalangan Usahawan Di Selangor: Cadangan Menggunakan Peranti Bizzakat. In *Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke-13 (PERKEM XIII)*. Bangi, Selangor: Pusat Pengajian Ekonomi Fakulti Ekonomi dan Pengurusan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Aznan Hasan. (2007). Undang-Undang Pentadbiran Zakat di Malaysia. In *Pentadbiran Undang-Undang Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Hafiz Za'farani. (2020). Tegas Jaga Akidah Islam. Diperoleh pada September 25, 2021, daripada <https://www.hmetro.com.my/addin/2020/06/588759/tegas-jaga-akidah-islam>
- Hairunnizam Wahid, Mohd Ali Mohd Nor, & Sanep Ahmad. (2005). Kesedaran

Membayar Zakat: Apakah Faktor Penentunya? *IJMS*, 12(2).

- Kamil Md. Idris. (2006). Kesan Persepsi Undang-Undang dan Penguatkuasaan Zakat terhadap Gelagat Kepatuhan Zakat Pendapatan Gaji The Impact of Perception of Zakat Law and Enforcement towards the Obedient Behaviour of Zakat on Income. *Journal of Ethics, Legal and Governance*, 2, 32–41.
- Khairil Azmin Mokhtar. (2007). Federalisme dan Pembahagian Kuasa: Penggubalan Undang-Undang Islam Antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri. In *Pentadbiran Undang-Undang Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Latifah Arifin. (2018). *Kewajipan Zakat Sarat Hikmah*. Diperoleh pada 20 September 2021, daripada <https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2018/06/437409/kewajipan-zakat-sarat-hikmah>
- Mahyuddin Abu Bakar, & Abdullah Abd.Ghani. (2011). Towards Achieving the Quality of Life in the Management of Zakat Distribution to the Rightful Recipients (The Poor and Needy). *International Journal of Business and Social Science*, 2(4).
- Mohd Anuar Ramli, & Mohammad Naqib Hamdan. (2017). Isu Kutipan Zakat Tanpa Kebenaran: Kajian Dari Perspektif Perundangan Syariah. In *Isu-Isu Kontemporari Dalam Zakat, Wakaf dan Filantropi Islam*. Shah Alam: Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS).
- Mohd Suffian Mohamed Esa, Mohd Ali Mohd Noor, & Hairunnizam Wahid. (2017). Kodifikasi Akta Zakat Nasional: Persepsi dan Implikasi. In *Pengurusan Zakat di Malaysia: Satu Pendekatan Analisis Gelagat*. Selangor: Pusat Penyelidikan Ekonomi dan Kewangan Islam (EKONIS-UKM).
- Mohd Suffian Mohamed Esa, Mohd Ali Mohd Noor, & Hairunnizam Wahid. (2018). Cadangan kodifikasi Akta Zakat Nasional dan penubuhan Majlis Zakat Negara. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 52(1), 153–165. Retrieved from <https://www.scopus.com/inward/record.uri?eid=2-s2.0-85051865213&partnerID=40&md5=d23308f3b0a3c0a5b5da8bc2298315f5>
- Mohd Yunus Yakkub. (2021). Hanya 20 Peratus Daripada 1.5juta Penduduk Selangor Bayar zakat. Diperoleh pada September 24, 2021, daripada <https://www.kosmo.com.my/2021/08/18/hanya-20-peratus-daripada-1-5juta-penduduk-selangor-bayar-zakat/>
- Muhammad Hafiz Badarulzaman, & Siti Nabilah Sulaiman. (2019). Analisis Perbandingan Kesalahan Dan Hukuman Berkaitan Dengan Zakat Dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri-Negeri Di Malaysia. *Kanun*, 31(1), 86–104.
- Patmawati Ibrahim. (2008). Pembangunan Ekonomi Melalui Agihan Zakat: Tinjauan Empirikal. *Jurnal Syariah*, 16(2).

- Ram Al Jaffri Saad, Kamil Md Idris, & Zainol Bidin. (2009). *Peranan Sikap, Moral, Undang-Undang dan Penguatkuasaan Zakat Terhadap Gelagat Kepatuhan Zakat Perniagaan*. Surabaya, Indonesia.
- Sanep Ahmad, Hairunnizam Wahid, & Adnan Mohamad. (2006). Pensiwaan institusi zakat dan kesannya terhadap pembayaran secara formal di Malaysia. *International Journal of Management Studies (IJMS)*, 13(2), 175–196.
- Sanep Ahmad, & Zulkifli. (2010). Model Gelagat Pematuhan dan Pengkelan Zakat: Satu Tinjauan Teori. In *Proceedings 7th International Conference on the Tawhidi Epistemology: Zakat and Waqf Economy* (pp. 219–241). Retrieved from <http://irep.iium.edu.my/16472/>
- Siti Mashitoh Mahamood. (2008). Undang-Undang dan Pentadbiran Harta Amanah Orang Islam di Malaysia. In *Harta Amanah Orang Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Syed Mohd Najib Syed Omar, Azman Ab. Rahman, Zahari Mahad Musa, & Ahmad Anis Muhd Fauzi. (2017). Kesalahan Memungut Zakat oleh Orang yang Tidak Dilantik atau Diberikuasa oleh Pihak Berkuasa Agama Islam Negeri di Malaysia. In *Memperkasa Kutipan dan Agihan Zakat di Malaysia*. Negeri Sembilan: Penerbit USIM.
- Yusuf al-Qardawi. (2006). *Fiqh al-Zakah: Dirasah Muqaranah li Ahkamiha wa Falsafatiha fi Daw' al-Qur'an wa al-Sunnah*, 2. Kaherah: Maktabah Wahbah.

Senarai Statut

- Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997
Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993
Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001
Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1997 (Negeri Johor)
Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 1996
Enakmen Jenayah (Syariah) 1992, Perak
Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992
Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991
Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995
Enakmen Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994
Enakmen Zakat Dan Fitrah 1993
Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 2013
Enakmen Lembaga zakat kedah Darul
Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah 2001
Peraturan-Peraturan Zakat Dan Fitrah (Negeri Selangor) 2012
Peraturan-Peraturan Zakat Tahun 1982
Perlembagaan Persekutuan
Undang-Undang Zakat Dan Fitrah 1966